



KUIM

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA

Tel : 06-387 8412 Fax 06-387 8073

No. Rujukan : KUIM/PNT/HEPA/UP/001/01(71)

Tarikh : 01 Oktober 2020
13 Safar 1442H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته / Salam Sejahtera

| | |
|------------------------|--|
| Perkara | MAKLUMAN PROSES DAFTAR KELUAR (<i>CHECK-OUT</i>) BILIK KEDIAMAN SEBELUM BALIK KAMPUNG CUTI AKHIR SEMESTER |
| Kepada | Semua Mahasiswa/wi Kolej Kediaman |
| Daripada | Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar & Alumni |
| Salinan Kepada: | Ybhg. Datuk Naib Canselor Bendahari Unit Keselamatan Semua Penyelia dan Felo |

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua penghuni Kolej Kediaman, anda **DIWAJIBKAN** untuk membuat proses daftar keluar (*check-out*) bersama penyelia blok masing-masing sebelum balik kampung cuti akhir semester.

3. Bersama-sama ini dilampirkan senarai arahan yang wajib di patuhi oleh semua penghuni Kolej Kediaman sebelum balik kampung cuti akhir semester. Semua mahasiswa/i diminta untuk mengikut segala arahan yang telah ditetapkan di lampiran 1. Tarikh akhir bagi pengosongan bilik kediaman ialah **sebelum atau pada 30 Oktober 2020 (Jumaat) pada waktu 8.30 pagi – 4.30 petang**.

4. Sebarang kehilangan, kerosakan harta peribadi atau masalah lain yang timbul, pihak pengurusan KUIM tidak akan bertanggungjawab dan tindakan tatatertib dan denda akan dikenakan pada semua mahasiswa/i yang tidak mematuhi arahan seperti di lampiran 1. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak mahasiswa/i saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. BAHAROM BIN SAID)



ARAHAN KEPADA SEMUA PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN

SILA PASTIKAN PERKARA BERIKUT DI PATUHI SEBELUM ANDA BALIK KAMPUNG CUTI AKHIR SEMESTER :

- 1. PASTIKAN KESELURUHAN BILIK, TANDAS, BILIK MANDI, KORIDOR DEPAN, KORIDOR BELAKANG, SAWANG, & KIPAS SILING DALAM KEADAAN YANG KEMAS DAN BERSIH.**
- 2. PASTIKAN SUSUNAN PERABOT/ASET (KATIL, TILAM, ALMARI, KERUSI, MEJA DAN LAMPU MEJA) DALAM KEADAAN YANG TERATUR.**
- 3. PASTIKAN SAMPAH WAJIB DIBUANG DI DALAM TONG SAMPAH BESAR (DI BAWAH BLOK) SEBELUM BALIK BERCUTI.**
- 4. PASTIKAN SEMUA SUIS LAMPU, KIPAS, PLUG TELAH DITUTUP. PAIP AIR JUGA HENDAKLAH DITUTUP DENGAN RAPI UNTUK MENGELAKKAN PEMBAZIRAN.**
- 5. PASTIKAN SEMUA PAKAIAN, BARANG PERSENDIRIAN, BARANG BERHARGA, BUKU, BEG, KASUT DAN LAIN-LAIN BARANG HENDAKLAH DI BAWA PULANG. PASTIKAN TIDAK ADA SATU PUN BARANG YANG DITINGGALKAN DI DALAM BILIK ATAU DALAM ALMARI PELAJAR. PIHAK HEPA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEGALA KEHILANGAN BARANG TERSEBUT.**
- 6. SEMUA AMPAIAN BAJU, BILIK BASUHAN, ALMARI PAKAIAN DAN MEJA BELAJAR HENDAKLAH DIKOSONGKAN.**
- 7. PASTIKAN PINTU DAN TINGKAP BILIK DITUTUP DENGAN RAPI BAGI MENGELAKKAN BINATANG, HUJAN DAN SEBAGAINYA DARI MASUK DAN MEROSAKAN PERABOT DAN LAIN-LAIN PERALATAN YANG ADA.**
- 8. SILA PASTIKAN PINTU ALMARI, TIDAK DIKUNCI.**
- 9. PASTIKAN SEMUA LANGSIR DI IKAT DENGAN KEMAS.**
- 10. PASTIKAN TADAHAN AIR SEPERTI BALDI, TONG AIR, GAYUNG DAN LAIN-LAIN DIKOSONGKAN.**
- 11. SEBARANG KEROSAKAN PERLU DILAPORKAN KEPADA PENYELIA YANG BERTUGAS SEBELUM BALIK BERCUTI.**
- 12. MELENGKAPKAN BORANG PENYERAHAN BILIK DAN DISERAHKAN KEPADA PENYELIA BERSERTA KUNCI BILIK DAN KAD AKSES**



KUIM

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

BATU 28, KUALA SUNGAI BARU

78200 MELAKA

Tel : 06-387 8412 Fax 06-387 8073

13. TIDAK MENINGGALKAN SEBARANG TAMPALAN PADA DINDING DAN PINTU BILIK

14. PASTIKAN SEMUA ARAHAN YANG DIBERIKAN PERLU DI PATUHI DAN DILAKUKAN OLEH SEMUA PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN BAGI MENGELAKKAN SEBARANG KEMALANGAN DAN PEMBAZIRAN BERLAKU.

15. TINDAKAN TATATERTIB DAN DENDA AKAN DIAMBIL JIKA ADA DI ANTARA SATU (1) PERKARA DI ATAS TIDAK DI PATUHI

MARILAH SAMA-SAMA MENJAGA KEMASLAHATAN KOLEJ KEDIAMAN AGAR SENTIASA KEMAS, BERSIH DAN SELAMAT UNTUK KITA SEMUA